
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2012/2013

Januari 2013

SPW201 - Pentadbiran Awam

Masa: [3 jam]

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Arahan

1. Jawab **TIGA (3)** dari lima soalan di bawah.
2. Jawab Soalan 1. Soalan 1 adalah soalan **WAJIB**.
3. Jawab dua (2) soalan dari soalan 2 – 5. Soalan-soalan ini adalah soalan **ELEKTIF**.
4. Setiap soalan bernilai seratus (100) markah.

Soalan Wajib

1. (a) Apakah yang dimaksudkan dengan Pentadbiran Awam?
(10 markah)
- (b) Kenalpasti dan bincangkan dengan ringkas, padat dan tepat, tiga (3) perbezaan penekanan yang menggambarkan perubahan dari Pentadbiran Awam kepada Pengurusan Awam Baru.
(60 markah)
- (c) Pengurusan Awam Baru membuatkan pelbagai jenis rombakan yang telah dilaksanakan untuk menjadikan sektor awam lebih cekap dan berkesan. Pada pendapat anda yang mana satu (1) rombakan yang telah dilaksanakan di Malaysia, yang paling meningkatkan tahap kecekapan dan keberkesanannya sektor awam? Kenapa? Bincangkan dengan ringkas, padat dan tepat.
(30 markah)

Soalan-soalan Elektif

2. (a) Apakah komposisi perkhidmatan awam menurut Perkara 132(1) Perlembagaan Persekutuan?
(10 markah)
 - (b) Kenalpasti dan bincangkan dengan ringkas, padat dan tepat tiga (3) teori organisasi yang digunakan oleh organisasi awam.
(60 markah)
 - (c) Sektor awam mempunyai pelbagai peranan dan fungsi. Pada pendapat anda, dari teori organisasi yang telah anda bincangkan di atas, teori organisasi yang manakah yang paling memudahkan sektor awam dalam melaksanakan peranan dan fungsinya? Kenapa?
(30 markah)
-
3. (a) Apakah yang dimaksudkan dengan dasar awam?
(10 markah)
 - (b) Kenalpasti dan bincangkan tiga (3) faktor yang menjadikan pentadbir awam mempunyai peranan penting dalam penggubalan dasar awam.
(60 markah)
 - (c) Pilih satu contoh dasar awam yang pada pendapat anda adalah dasar awam yang baik. Justifikasikan pendapat anda itu dengan membincangkan secara ringkas, padat dan tepat akan fungsi serta tanggungjawabnya.
(30 markah)

4. (a) Apakah yang dimaksudkan dengan pembuatan keputusan?
(10 markah)
- (b) Pembuatan keputusan di dalam sektor awam dipengaruhi oleh pelbagai faktor penting yang perlu dipertimbangkan oleh pembuat keputusan. Kenal pasti dan bincangkan secara ringkas, padat dan tepat, tiga (3) faktor yang anda fikir amat penting dan perlu dipertimbangkan dalam proses pembuatan keputusan.
(60 markah)
- (c) Terangkan dengan ringkas, padat dan tepat bagaimana dasar awam mempengaruhi konteks pembuatan keputusan.
(30 markah)
5. (a) Apakah yang dimaksudkan dengan kerajaan elektronik (e-government)?
(10 markah)
- (b) Kenal pasti dan bincangkan secara ringkas, tepat dan padat impak kerajaan elektronik di dalam tiga (3) dimensi perhubungan antara urus tadbir yang baik dan pentadbiran awam.
(60 markah)
- (c) Pada pendapat anda bagaimanakah kepimpinan sektor awam dapat memastikan potensi kerajaan elektronik dapat dicapai sepenuhnya? Justifikasikan jawapan anda.
(30 markah)